



HAFIZAL

Kepelbagaian manfaat tanah lembap

TANAH lembap adalah sejenis kawasan darat yang tanahnya tertepu dengan kelembapan secara berkekalan atau bermusim. Kawasan itu boleh dilitupi separa atau sepenuhnya oleh takungan air.

Di Malaysia, ada beberapa jenis tanah lembap seperti paya bakau, dataran berlumpur, paya air tawar, paya gambut, sungai dan tasik.

Ramai beranggapan, tanah lembap tidak mempunyai sebarang faedah kepada negara, hakikatnya kawasan itu sangat bermanfaat.

Pensyarah Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Hafizal Ismail berkata, tanah lembap merupakan aset sangat berharga kerana menjadi kawasan ekosistem paling produktif.

Katanya, tanah lembap dikenali pasti sebagai kawasan penting kepada kehidupan manusia daripada sudut ekosistem dan ekonomi setempat.

"Tanah lembap salah satu ekosistem kritikal di negara ini. Ia penting kepada kehidupan harian seperti bekalan air, mengurangkan hakisan dan pencemaran, selain mengawal banjir.

"Kawasan ini juga menjadi habitat kepada pelbagai spesies hidupan akuatik dan unggas," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Antara kawasan tanah lembap di negara ini adalah Tasik Chini dan Tasik Bera di Pahang, Tasik Kenyir (Terengganu) serta Wetland (Putrajaya).

Kata Hafizal, tanah lembap juga sangat berpotensi sekiranya dijadikan ekopelancongan bagi menjana pendapatan penduduk.

Jelasnya, kawasan itu boleh menjadi tempat terbaik kepada pengunjung untuk melihat dengan lebih dekat habitat hidupan liar.

"Kawasan seperti ini ada penggemarnya tersendiri, terutamanya peminat hidupan akuatik dan pemerhati burung terutamanya dari negara Barat.

"Melalui ekopelancongan, penduduk setempat dapat jana pendapatan melalui sewaan bot, penginapan dan penyediaan makanan," katanya.